

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 11 / 08 / 2007

Koridor Sabah di peringkat perincian semula – PM

um - 11/8/2007
KOTA KINABALU 10 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini membayangkan bahawa projek Koridor Pembangunan Sabah (SDC) akan dilancarkan tidak lama lagi.

Menurut Perdana Menteri, pelan cadangan pembangunan itu kini di peringkat perincian semula oleh sebuah jawatankuasa yang menjalankan kajian mengenai projek itu.

Katanya, taklimat mengenai kertas cadangan tersebut diadakan di Sandakan malam tadi dan beliau mahu beberapa perubahan dilakukan sebelum ia dimuktamadkan.

“Kumpulan yang bertanggungjawab merangka cadangan SDC telah memberi taklimat dan saya buat komen kepada mereka kerana ada beberapa perkara perlu diperbaiki lagi.

“Selepas itu maka bolehlah mereka kemukakan draf akhir dan kita akan beri penekanan kepada beberapa sektor penting di Sabah,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Wisma Hasil Kota Kinabalu di sini hari ini.

Mengulas mengenai cadangan supaya kerajaan menubuhkan badan khas bagi memantau perbelanjaan ekspedisi pihak tertentu bagi memastikan dana tidak disalahgunakan, Perdana Menteri berkata, kerajaan mempunyai mekanisme pemantauan mengenai perkara itu.

“Daripada laporan (yang disampaikan) kepada saya, memang ada (ekspedisi) yang mendapat bantuan sama ada daripada kerajaan dan swasta dan kita dapat lihat laporan yang mereka berikan.

“Kalau ini dianggap sebagai satu pemantauan boleh juga. Jika berlaku apa-apa kesalahan atau yang tidak betul, tentu pihak atau jabatan berkenaan akan memanggil mereka untuk mendapatkan keterangan,” jelasnya.